

05/04/2000

`Sikap keterlaluan makan diri'

KUALA LUMPUR, Selasa - Tindakan liar penyokong parti pembangkang ketika kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang ternyata `memakan diri' mereka sendiri.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata pengundi di kawasan itu tidak biasa dengan cara yang keterlaluan dan dengan itu mereka menolak parti pembangkang.

"Pengundi terus menunjukkan keyakinan mereka terhadap Umno sehingga apa saja dia orang (parti pembangkang) buat, ia tak menjejaskan apa-apa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan nama baru Auditorium Besar Angkasapuri, kepada Auditorium Perdana serta Cakera Padat Koleksi Orkestra RTM sempena sambutan Hari RTM Ke-54 di Angkasapuri, hari ini.

Khalil berkata, kerajaan akan mengumpul segala maklumat berkaitan kegiatan keterlaluan parti pembangkang termasuk gambar sebagai bukti, sebelum dikemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Dia orang ni cuba mengambil gambar setiap pergerakan kita...kita pun ada ambil gambar mereka. Kita pun ada bawa kamera...," katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mungkin memperkenalkan peraturan baru dalam Akta Pilihan Raya 1954 bagi mencegah tindakan liar penyokong parti politik ketika berkempen.

Ini berikutan laporan bahawa penyokong Pas menggunakan taktik agresif dalam usaha menentukan kemenangan calonnya dalam pilihan raya kecil Sanggang Sabtu lalu.

Ditanya sama ada tindakan undang-undang akan diambil jika didapati mereka menyalahi undang-undang, Khalil berkata: "Terpulang...kita akan kumpul dulu segala maklumat sebelum dikemukakan kepada pihak bertanggungjawab."

Sebelum itu, berucap pada majlis berkenaan, Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, RT) perlu sentiasa menilai semula penjadualan rancangan dan kaedah penerbitannya supaya dapat memenuhi citarasa penonton dan pendengar.

Beliau berkata, keberkesanan peranan RTM dalam membantu industri perfileman dan penerbitan rancangan televisyen tempatan melalui program yang bermula pertengahan 80-an perlu dikaji dari semasa ke semasa.

"RTM juga perlu mempelajari teknik penerbitan filem Bollywood (selain Hollywood) dalam meningkatkan mutu rancangan mereka," katanya.

Mengenai cadangan pengkorporatan RTM, Khalil berkata beliau difahamkan bahawa kertas kerja mengenainya sedang disiapkan sebelum dibentangkan kepada kerajaan.

Terdahulu, Ketua Pengarah Penyiaran, Alimusa Sulaiman dalam ucapannya berkata, TV1 mengumpul pendapatan sebanyak RM36.3 juta, manakala TV2 (RM97.2 juta) pada 1999.

(END)